

27 ketua keluarga terima agihan wang zakat



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff (tengah) selaku Ahli MUIB dan tetamu kehormat ketika bacaan Tadarus beramai-ramai. Juga hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin (kiri) selaku Penghulu Mukim Liang.



SETIAUSAHA Tetap, KHEU ketika menyampaikan sumbangan kepada salah seorang ketua keluarga dan tanggungannya yang menerima agihan wang zakat.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

KUALA BELAIT, Isnin, 21 Mei. - Dalam usaha meringankan beban Asnaf Fakir dan Miskin, iaitu terutama sekali menjelang Hari Raya Aidil Fitri, maka Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) menyerahkan Agihan Zakat Wang

Tunai kepada Asnaf Fakir dan Miskin menjelang Hari Raya bagi Tahun 1439H/2018M, di sini.

Agihan zakat wang tunai yang akan diagihkan sebanyak BND1,173,950 diperuntukkan

kepada 6,551 penerima terdiri daripada Asnaf Fakir dan Miskin di seluruh negara, kesemua wang tunai itu diambil dari peruntukan Kumpulan Wang Zakat Fitrah dan Zakat Harta yang dikutip pada Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi.

Hari ini, agihan zakat wang tunai berjumlah BND7,540 diserahkan kepada 27 ketua keluarga dan tanggungannya yang terdiri daripada Asnaf Fakir dan Miskin yang diadakan di Masjid Al-Mashor, Kampung Sungai Mau, Kuala Belait.

Penyampaiannya diserahkan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama

(KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff selaku Ahli MUIB dan tetamu kehormat.

Terdahulu, bacaan ayat suci Al-Quran yang dibacakan oleh Awang Abdul Qayyum bin Haji Aminuddin, diikuti dengan Tadabbur Al-Quran yang disampaikan oleh Penceramah Pusat Da'wah Islamiah, KHEU, Dr. Awang Haji Ismuhadi bin Abdullah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat dan diikuti dengan bacaan Tadarus

beramai-ramai.

Juga hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin selaku Penghulu Mukim Liang; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang; dan Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohammad Zamree bin Haji Junaidi.

Rombongan Tadarus Pegawai dan Kakitangan KHEU seterusnya akan mengunjungi Masjid Kampung Puni, Daerah Temburong, Negara Brunei Darussalam pada 26 Mei.

Umat Islam perlu raih manfaat dalam Ramadan



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : HERNIE SULIANA
Haji Othman

terkandung dalam Ceramah Khas bertajuk 'Ruginya RamadanKu Berlalu Tanpa Amal' yang disampaikan oleh Pensyarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan, di sini.

Tambahnya, amal ibadah yang dikerjakan akan diterima dengan dua syarat, iaitu ikhlas dalam mengerjakan amal ibadah dan mengikuti Sunah-sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Menurutnya lagi, seorang Muslim itu dikatakan ruginya sekiranya ia berpuasa di bulan Ramadan tanpa mengerjakan amal ibadah.

Ceramah Khas bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di dalamnya merupakan aktiviti keagamaan tahunan kementerian tersebut bersempena bulan Ramadan.

CERAMAH Khas bertajuk 'Ruginya RamadanKu Berlalu Tanpa Amal' oleh Pensyarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA, Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Mei. - Setiap Muslimin dan Muslimah perlu meraih segala manfaat yang terdapat di bulan Ramadan, selain fokus dalam memperbaiki hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala dengan mempersiapkan diri dari segi mental serta fizikal termasuk juga spiritual.

Perkara tersebut antara yang



ANTARA yang hadir pada Ceramah Khas bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di dalamnya.

BK beri sumbangan ke Pusat Ehsan



BURGER King (BK) Brunei di bawah Pengurusan Sinofood Express mengadakan Lawatan ke Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan), Cawangan Bengkurong dan menyumbangkan derma berupa makanan dan cek.

BENGKURONG, Isnin, 21 Mei. - Sempena bulan Ramadan Tahun ini, Burger King (BK) Brunei di bawah Pengurusan Sinofood Express mengambil inisiatif dengan mengadakan lawatan ke Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan), Cawangan Bengkurong bagi menyumbangkan derma berupa makanan dan cek.

Hadir menyampaikan sumbangan tersebut ialah wakil-wakil BK terdiri daripada Izam Ahmad, Saifulizam Zamhor dan Lim Kai Wei.

Sinofood Express memperkenalkan Program Tanggungjawab Sosial Korporat

Oleh : Noorati Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Hzzi Haji Duraman

(CSR) mereka pada tahun 2015, dengan kotak sumbangan yang diletakkan di kesemua cawangan BK Brunei dan derma-derma tersebut dikumpulkan untuk diberikan ke organisasi SMARTER, Pusat Ehsan dan YASKA.

Bagi setiap BND1.00 yang didermakan oleh pelanggan BK Brunei, Sinofood Express akan mengumpulkannya ke dalam dana amal yang kini berjumlah BND6,000, yang mana setiap organisasi berkenaan akan

menerima sumbangan sejumlah BND2,000 bersama 80 bkg hadiah, termasuk makanan dan mainan yang turut diberikan kepada kanak-kanak semasa acara tersebut.

Dalam pada itu, Sinofood Express amat berbesar hati dapat menyumbangkan dana tersebut dan melalui inisiatif ini, syarikat tersebut bercadang untuk terus menjalankan lebih banyak kerja amal di Brunei bagi membantu masyarakat yang memerlukan.